



KENYATAAN MEDIA MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan menambah baik Rang Undang-undang (RUU) Racun (Pindaan) 2019 (RUU Racun) sebelum dibentangkan semula di Dewan Rakyat pada masa hadapan.

Berdasarkan maklumbalas terkini, KKM perlu meneliti semula dan menambah baik RUU Racun berkenaan bagi memastikan penguatkuasaan dan pelaksanaan peruntukan di bawah RUU Racun tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan dapat melindungi kepentingan semua pihak termasuklah orang awam, ahli Farmasi, pengamal perubatan dan pihak industri farmaseutikal.

KKM perlu mengambil kira maslahat pelbagai pihak berkepentingan dan implikasi pindaan, sebelum RUU itu dibentangkan semula, pada Sidang Parlimen akan datang.

Sehubungan dengan itu, KKM dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas, pada 4 November 2020, telah menarik balik RUU berkenaan untuk RUU Racun tersebut diteliti dan diperkemas semula.

Sekian, Terima kasih.

DATO' SRI DR ADHAM BIN BABA
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

5 November 2020